

08/02/2002

PM rasmi Bengkel Dinar Islam

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan Bengkel Dinar Islam - Ke Arah Kesatuan Ekonomi Masyarakat Islam di sini pada 29 April ini.

Bengkel itu anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), akan diikuti seminar mengenai perkara yang sama pada Jun depan.

Ketua Pengarah Ikim, Datuk Dr Ismail Ibrahim berkata seminar itu akan membincangkan isu serta teori berkaitan dinar Islam dan peranan kerajaan serta Bank Pusat dalam mengawal selia sistem itu.

Pada sidang akhbar di sini hari ini, beliau berkata Ikim juga akan menganjurkan lapan lagi seminar termasuk tiga bertaraf antarabangsa dan empat muzakarah pakar sepanjang tahun ini.

Dr Ismail berkata seminar antarabangsa bertajuk "Hidup bersama dalam masyarakat majmuk" akan diadakan pada 18 Februari ini sempena ulang tahun ke-10 Ikim manakala seminar Memahami Malaysia sebagai Negara Islam (April); Air Anugerah Tuhan (Julai); Belia dan Arus Pembangunan Negara (September) dan Ke Arah Orde Baru Islam (Ogos).

"Sepanjang 10 tahun penubuhan Ikim, kita sudah menganjurkan lebih 100 seminar dan persidangan. Kita komited menjalankan penyelidikan berasaskan ilmu pengetahuan secara mendalam dan amanah terhadap bidang ilmu," katanya.

Dr Ismail berkata tahun ini pihaknya menyusun strategi baru dengan mengadakan empat program muzakarah pakar dalam bidang tertentu, antaranya Piawaian Pengurusan (Oktober) dan Ke Arah 20 Peratus Pasaran Perbankan Menjelang 2010: Strategi Perbankan Islam.

"Muzakarah pakar akan membabitkan sasaran penyertaan dalam jumlah yang kecil, tetapi membabitkan perbincangan yang aktif," katanya.

Dr Ismail berharap semua program itu dapat memberi kefahaman kepada media antarabangsa mengenai isu Islam.

(END)